

Pelajar IPT sertai misi siswa ke Sabah

UB 04.09.2024 P.02

Program sehingga 18 Sept ini menyaksikan sukarelawan dihantar ke enam daerah

KOTA KINABALU: Seramai 100 pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dari seluruh negara terpilih untuk menyertai Ini Warisan Kita: Misi Sukarelawan ke Sabah 2024.

Majlis Flag Off program tersebut disempurnakan oleh Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Datuk Seri Panglima (Dr.) Juhar Datuk Haji Mahiruddin.

Ia turut dihadiri oleh Timbalan Menteri Perpaduan Negara, Senator Saraswathy Kandasami; Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Ts. Mustapha Sakmud; Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri (Hal Ehwal Agama) Sabah, Datuk Haji Ruslan Muhamad; Pengurus Yayasan Sukarelawan Siswa, Tan Sri Dato Haji Alimudin Haji Md Dom; dan Penolong Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Dr. Mohammad Saffree Jeffree di Dewan Bankuasi, UMS.

Menurut Saraswathy, misi sukarelawan itu adalah satu daripada platform penting kerana ia menjadi tapak integrasi nasional individu dari latar belakang berbeza.

"Misi Sukarelawan Siswa juga menggalakkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti kesukarelawan agar semangat sukarelawan dipupuk dan dibudayakan.

"Penyertaan dan penglibatan secara langsung dalam aktiviti yang bertunjangan kesukarelawan di pelbagai peringkat juga mampu melahirkan belia bersemangat hirkan belia bersemangat patriotik," katanya.

Beliau berkata program 'Ini Warisan Kita' adalah satu inisiatif Kementerian Perpaduan Negara yang di-



ALBUM: Juhar merakamkan gambar bersama 100 peserta Sukarelawan Siswa ke Sabah.

lancarkan pada tahun 2023.

Katanya, ia merupakan salah satu pengisian utama program flagship kementerian iaitu Kembara Perpaduan Malaysia MADANI.

"Ini sangat bertepatan dengan hasrat kerajaan membangun Malaysia MADANI yang menerapkan elemen hormat-menghormati serta menjadikan warisan sebagai platform pengukuhan perpaduan."

"Sehingga tahun 2023, tujuh misi sukarelawan siswa ke Sabah telah dijalankan di 36 lokasi, dengan penglibatan 608 sukarelawan siswa yang melaksanakan 1,054 projek sukarelawan," katanya.

Misi Sukarelawan Siswa ke Misi Sukarelawan Siswa ke Sabah yang berlangsung bermula 1 hingga 18 September ini menyaksikan sukarelawan dihantar ke enam daerah berasingan, iaitu Penampang,



LANCAR: Juhar menyempurnakan acara Flag Off Misi Sukarelawan Siswa ke Sabah.

Kudat, Kota Belud, Beaufort, Papar dan Kota Kinabalu.

Para pelajar akan melaksanakan beberapa projek utama seperti membaik

pulih Kompeni A, Batalion 2, infrastruktur sekolah dan masjid di lokasi yang terlibat.

Para peserta juga akan

mengadakan projek sukarelawan berdasarkan enam teras kesukarelawan Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) mengikut keperluan lokasi.